

KENYATAAN MEDIA

PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KEM KESEDARAN ALAM SEKITAR (KeKAS) SEMPENA HARI ALAM SEKITAR SEDUNIA TAHUN 2023

PALM BEACH RESORT, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN 15 JULAI 2023

1. Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS) dilaksanakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia Tahun 2023 kepada pelajar-pelajar sekolah di sekitar WP Labuan. KeKAS merupakan salah satu program Jabatan Alam Sekitar WP Labuan yang bertujuan untuk memberi kesedaran alam sekitar kepada semua golongan sasar. Program ini mendapatkan tajaan peruntukkan kewangan oleh JX Nippon Oil and Gas Exploration (Malaysia) Limited. Kem Kesedaran Alam Sekitar

2. Aktiviti KeKAS ini mampu melatih dan melahirkan pasukan dalam JAS WP Labuan yang berkebolehan menyebarkan maklumat alam sekitar kepada masyarakat sekeliling terutamanya pelajar-pelajar di WP Labuan. Selain itu, program ini diharapkan dapat melahirkan generasi pewaris yang mencintai alam sekitar dan mampu menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar selari dengan pelaksanaan aspirasi pembangunan negara.

3. Objektif KeKAS ini adalah seperti berikut;
 - a. Memberi pendedahan kepada pelajar sekolah sekitar WP Labuan mengenai pendekatan yang boleh digunakan dalam melaksanakan aktiviti kesedaran alam sekitar di sekolah dan sekitarnya.
 - b. Memberi kesedaran alam sekitar kepada pelajar sekolah di WP Labuan.
 - c. Menjalikan hubungan yang baik kepada sekolah dan juga Rakan Strategik JAS dalam menguruskan kelestarian alam sekitar di WP Labuan.
 - d. Meningkatkan kemahiran insaniah dalam pengurusan dan kesedaran alam sekitar.

4. Sepanjang KeKAS ini dilaksanakan, para pelajar juga didedahkan dengan pelbagai aktiviti-aktiviti yang boleh meningkatkan kesedaran alam sekitar seperti aktiviti gotong-royong mengutip sampah sambil beriadah, ceramah berkaitan sisa buangan elektrik-elektronik serta ceramah perubahan iklim dan juga pertandingan melukis poster. Disamping itu, kem kesedaran turut dirancakkan dengan Kempen *Beat Plastic Pollution* sempena tema sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia bagi tahun 2023 iaitu 'Hentikan Pencemaran Plastik'.

5. KeKAS ini telah berjaya dilaksanakan dengan kehadiran seramai 50 orang pelajar. Disamping itu, seramai 26 kakitangan premis JX Nippon turut hadir memeriahkan majlis ini. Selain itu, 4 ruang pameran juga telah dibuka semasa kem ini dilaksanakan melibatkan agensi JAS WP Labuan, Perbadanan Labuan, JX Nippon Oil and Gas Exploration (Malaysia) Limited dan Sekolah Menengah St. Anne. Pihak JAS WP Labuan turut melaksanakan *pocket talk* kepada para pelajar berkaitan permbakaran terbuka, sisa buangan ewaste, perubahan iklim dan sebagainya sepanjang pameran berlangsung.

6. JAS WP Labuan mengucapkan terima kasih kepada pihak JX Nippon Oil and Gas (Malaysia) Limited yang telah melakukan *Corporate Social Responsibility* (CSR) dengan menaja program ini. Syabas dan tahniah juga kepada pihak Sekolah Menengah St. Anne yang turut menjayakan program ini dengan menyediakan para pelajar dan guru untuk menjadi peserta dan ahli jawatankuasa pelaksana program ini.

JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

15 JULAI 2023